



# **KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

## **DOKUMEN STANDARD PRESTASI GEOGRAFI TINGKATAN 1**

# **FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berketrampilan dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

## **PENDAHULUAN**

Dokumen Standard Prestasi bagi mata pelajaran Geografi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dibina sebagai panduan untuk guru menambah baik Pentaksiran Sekolah sejajar dengan pelaksanaan Pentaksiran Rujukan Standard.

Pentaksiran Rujukan Standard merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid mengetahui dan menguasai perkara yang dipelajari mengikut tahap-tahap pencapaian sebagaimana yang dihasratkan oleh kurikulum mata pelajaran ini.

Dokumen ini diharapkan dapat memberikan maklumat yang lengkap dan tepat kepada guru tentang hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan pembinaan modal insan yang berteraskan pembangunan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

## TAFSIRAN

- **Band** ialah label yang digunakan untuk menunjukkan tanda aras tertentu yang disusun secara hierarki bagi tujuan pelaporan individu.
- **Standard** ialah pernyataan tentang sesuatu domain yang merujuk tanda aras tertentu dan bersifat generik bagi memberikan gambaran holistik tentang individu.
- **Standard Prestasi** ialah pernyataan tentang tahap perkembangan pembelajaran murid yang diukur merujuk standard dan menunjukkan kedudukan murid dalam perkembangan atau kemajuan pembelajarannya. Perkembangan dalam standard itu terbahagi kepada dua iaitu perkembangan secara mendatar (konstruk) dan perkembangan secara menegak (band). Pertumbuhan murid dijelaskan dengan satu atau lebih petunjuk prestasi menggunakan perkataan atau rangkaian kata yang betul untuk menggambarkan penguasaan hasil pembelajaran.
- **Deskriptor** ialah pernyataan yang menerangkan perkara yang diketahui dan dikuasai oleh murid berdasarkan standard yang dapat ditaksir dan dicapai.
- **Evidens :**
  - Murid** - Pernyataan yang menerangkan cara-cara murid melaksanakan perkara yang diketahui dan dikuasai berdasarkan deskriptor.
  - Instrumen** - Bahan atau apa-apa bentuk bukti yang dapat ditunjukkan oleh murid yang melaksanakan sesuatu tugas dalam bentuk produk atau proses seperti penulisan, laporan, foto, grafik, artifak, dan lain-lain.
- **Instrumen** ialah alat yang digunakan untuk menguji penguasaan atau pencapaian murid bagi sesuatu domain seperti ujian bertulis, ujian secara lisan, demonstrasi, ujian amali dan lain-lain .

## KERANGKASTANDARD PRESTASI

<b>BAND</b>	<b>STANDARD</b>
1	Tahu
2	Tahu dan Faham
3	Tahu, Faham dan Boleh Buat
4	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab
5	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Terpuji
6	Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Mithali

## TAFSIRAN BAND

BAND	PERNYATAAN BAND	TAFSIRAN
1	TAHU	Murid tahu perkara asas atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberikan respons kepadaperkara yang asas.
2	TAHU DAN FAHAM	Murid menunjukkan kefahaman untuk menukar bentuk komunikasi atau menterjemah serta menjelaskan apa yang telah dipelajari.
3	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT	Murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran dalam satu-satu situasi.
4	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT DENGAN BERADAB	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab, iaitu mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT DENGAN BERADAB TERPUJI	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran dalam situasi baru, dengan mengikut prosedur atau secara sistematik, serta tekal dan bersikap positif.
6	TAHU, FAHAM DAN BOLEH BUAT DENGAN BERADAB MITHALI	Murid mampu menzahirkan idea yang kreatif dan inovatif, mempunyai keupayaan membuat keputusan untuk mengadaptasi permintaan serta cabaran dalam kehidupan seharian serta boleh berbicara untuk mendapatkan dan menyampaikan maklumat menggunakan ayat yang sesuai secara bertatasusila dan menjadi contoh secara tekal.

## **MATLAMAT KURIKULUM GEOGRAFI**

Kurikulum Geografi membolehkan murid memahami fenomena geografi berfokus kepada negara Malaysia dan hubungannya dengan negara-negara lain supaya dapat melahirkan murid yang berilmu, bertanggungjawab, bersyukur dan mengenali serta mencintai negara Malaysia.

## **OBJEKTIF KURIKULUM GEOGRAFI**

Kurikulum Geografi Sekolah Menengah membolehkan murid:

1. Menghubungkan aspek kedudukan, arah, skala, dan jarak dalam organisasi ruangan.
2. Mengumpul, menyusun, menganalisis dan menyampaikan data geografi berbentuk kuantitatif dan kualitatif.
3. Memberi pendapat secara kreatif dan kritis, mengenal pasti dan mengkaji masalah semasa daripada aspek geografi serta membuat keputusan dengan bertanggungjawab.
4. Menjelaskan fenomena alam dan saling kaitannya dengan manusia berasaskan taburan dan pola-pola yang wujud di negara Malaysia dan negara-negara lain
5. Mengenal pasti cara hidup dan budaya pelbagai komuniti di negara lain serta menghargai ciri-ciri persamaan dan kelainannya dengan negara Malaysia.
6. Memerihalkan keadaan saling memerlukan dalam sistem alam, kegiatan ekonomi, sosial dan politik antara satu negara dengan negara lain.
7. Menerangkan kesan kegiatan manusia ke atas alam sekitar serta penting menguruskan alam dan sumber dengan bertanggungjawab dan bijaksana.
8. Mengenali, menghargai dan berbangga terhadap ciri-ciri geografi negara Malaysia yang istimewa dan unik.
9. Menggabungkan pelbagai fakta geografi dan dapat membuat kesimpulan yang rasional.
10. Mensyukuri dan mencintai alam, bersederhana dan bertanggungjawab ke atas sebarang tindakan dan peka terhadap perasaan serta keperluan orang lain.

<b>BAND</b>	<b>PERNYATAAN STANDARD</b>
1	Mengetahui kemahiran geografi dan geografi negara Malaysia.
2	Mengetahui dan memahami kemahiran geografi dan geografi negara Malaysia.
3	Memahami dan mengaplikasikan kemahiran geografi, geografi negara Malaysia dan geografi negara lain.
4	Menguasai pengetahuan dan kemahiran geografi, dan boleh menganalisis maklumat geografi dalam organisasi ruang secara sistematik serta menghargai keistimewaan negara Malaysia.
5	Menggabungkan pengetahuan dan kemahiran geografi untuk membuat keputusan yang rasional dan boleh menganalisis impak kegiatan manusia terhadap alam sekitar serta mengamalkan penjagaannya secara bijaksana.
6	Menilai maklumat geografi untuk menghasilkan idea yang kreatif dan inovatif demi kepentingan masa depan dan membudayakan pengetahuan geografi ke arah memperkasa negara Malaysia.



BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
1 Tahu	<b>B1</b> Mengetahui asas kemahirangeografi dan geografi negara Malaysia .	<p><b>B1D1</b> Mengetahui asas kemahiran geografi</p> <p><b>B1D2</b> Mengetahui pelbagai bentuk muka bumi</p> <p><b>B1D3</b> Mengetahui jenis cuaca dan iklim</p> <p><b>B1D4</b> Mengetahui jenis tumbuhan semula jadi dan hidupan liar</p>	<p><b>B1D1E1</b> Menyatakan kedudukan relatif sesuatu tempat.</p> <p><b>B1D1E2</b> Menyatakan arah mata angin utama</p> <p><b>B1D1E3</b> Menyatakan jarak mutlak dan jarak relatif</p> <p><b>B1D1E4</b> Mengenal pasti skala lurus</p> <p><b>B1D1E5</b> Mengenal simbol peta lakar</p> <p><b>B1D2E1</b> Menamakan pelbagai bentuk muka bumi di Malaysia.</p> <p><b>B1D3E1</b> Menamakan jenis iklim di Malaysia</p> <p><b>B1D4E1</b> Menamakan tumbuhan semula jadi</p> <p><b>B1D4E2</b> Menamakan hidupan liar</p>

<b>BAND</b>	<b>PERNYATAAN STANDARD</b>	<b>DESKRIPTOR</b>	<b>EVIDENS</b>
<b>2</b>  <b>Tahu dan Faham</b>	<b>B2</b> Mengetahui dan memahami kemahiran geografidan geografi Malaysia.	<b>B2D1</b> Memahami asas kemahiran geografi  <b>B2D2</b> Memahami pelbagai bentuk muka bumi	<b>B2D1E1</b> Menentukan kedudukan sesuatu menggunakan lajur dan baris  <b>B2D1E2</b> Mengenal pasti lapan arah mata angin  <b>B2D1E3</b> Melukis skala lurus  <b>B2D1E4</b> Mengenal simbol fizikal dan budaya dalam peta lakar  <b>B2D1E5</b> Mengenal jenis graf bar mudah dan graf garisan  <b>B2D2E1</b> Menyatakan jenis/ccontoh bentuk muka bumi tanah tinggi  <b>B2D2E2</b> Menyatakan jenis/ccontoh bentuk muka bumi tanah pamah  <b>B2D2E3</b> Menyatakan jenis/ccontoh bentuk muka bumi pinggir laut  <b>B2D2E4</b> Menyatakan jenis/ccontoh bentuk muka bumi di sepanjang aliran sungai

		<p><b>B2D3</b> Memahami Pengaruh pergerakan bumi terhadap cuaca dan iklim</p> <p><b>B2D4</b> Memahami cuaca dan iklim</p> <p><b>B2D5</b> Memahami jenis tumbuhan semula jadi dan hidupan liar</p>	<p><b>B2D3E1</b> Menyatakan kesan pergerakan bumi dalam sistem suria terhadap cuaca dan iklim.</p> <p><b>B2D4E1</b> Menyatakan ciri iklim di Malaysia</p> <p><b>B2D5E1</b> Menyatakan ciri tumbuhan semula jadi</p> <p><b>B2D5E2</b> Menyatakan jenis hidupan liar mengikut habitatnya</p>
--	--	---	--

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
<p style="text-align: center;"><b>3</b></p> <p><b>Tahu, Faham dan boleh buat</b></p>	<p><b>B3</b> Memahami dan mengaplikasikan kemahiran geografi, geografi negara Malaysia dan geografi negara lain.</p>	<p><b>B3D1</b> Mengaplikasikan kemahiran geografi</p> <p><b>B3D2</b> Menentukan pelbagai bentuk muka bumi</p> <p><b>B3D3</b> Mengetahui pasti faktor yang mempengaruhi cuaca dan iklim.</p> <p><b>B3D4</b> Mengetahui pasti pengaruh cuaca dan iklim terhadap cara hidup di negara lain</p> <p><b>B3D5</b> Mengetahui pasti faktor yang mempengaruhi pelbagai jenis tumbuhan semula jadi</p>	<p><b>B3D1E1</b> Menentukan arah berdasarkan lapan mata angin dengan menggunakan kompas</p> <p><b>B3D1E2</b> Mengukur jarak menggunakan skala</p> <p><b>B3D1E3</b> Membina graf bar dan graf garisan.</p> <p><b>B3D2E1</b> Mengetahui pasti taburan kepelbagaian bentuk muka bumi tanah tinggi di Malaysia.</p> <p><b>B3D2E2</b> Mengetahui pasti taburan kepelbagaian bentuk muka bumi tanah pamah di Malaysia.</p> <p><b>B3D2E3</b> Mengetahui pasti taburan saliran di Malaysia.</p> <p><b>B3D3E1</b> Menjelaskan faktor yang mempengaruhi ciri cuaca dan iklim Malaysia</p> <p><b>B3D4E1</b> Menjelaskan pengaruh cuaca dan iklim terhadap cara hidup di Gurun Thar, Siberia dan Greenland.</p> <p><b>B3D5E1</b> Menjelaskan faktor yang mempengaruhi tumbuhan semula jadi di Malaysia</p>

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
<p style="text-align: center;"><b>4</b></p> <p><b>Tahu, Faham, Boleh buat dengan beradab</b></p>	<p><b>B4</b> Menguasai pengetahuan dan kemahiran, dan boleh menganalisis maklumat geografi dalam organisasi ruang secara sistematik sertamenghargai keistimewaan negara Malaysia</p>	<p><b>B4D1</b> Menghubunkait pengetahuan dan kemahiran geografi dalam organisasi ruang</p> <p><b>B4D2</b> Menganalisis maklumat geografi negara Malaysia dan negara lain</p>	<p><b>B4D1E1</b> Mentafsir peta lakar dan bahan grafik</p> <p><b>B4D2E1</b> Menghuraikan potensi bentuk muka bumi (tanah tinggi, tanah pamah, saliran dan pinggir laut) di negara Malaysia.</p> <p><b>B4D2E2</b> Membandingkan kepentingan bentuk muka bumi kepada kegiatan manusia antara Malaysia dengan negara lain</p> <p><b>B4D2E3</b> Membandingkan cara hidup di Malaysia dengan 3 zon iklim (Zon Panas, Zon Sejuk, Zon Sederhana Sejuk).</p> <p><b>B4D2E4</b> Menghuraikan kepentingan tumbuhan semula jadi di negara Malaysia</p> <p><b>B4D2E5</b> Membandingkan ciri tumbuhan negara Malaysia dengan negara lain</p>

		<p><b>B4D3</b> Menghargai keistimewaan ciri geografi negara Malaysia</p>	<p><b>B4D3E1</b> Menghuraikan kepentingan ciri bentuk muka bumi negara Malaysia.</p> <p><b>B4D3E2</b> Menghuraikan pengaruh (keistimewaan) ciri cuaca dan iklim negara Malaysia.</p> <p><b>B4D3E3</b> Menghuraikan keistimewaan dan keunikan tumbuhan semula jadi negara Malaysia.</p>
--	--	--	--

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
<p style="text-align: center;"><b>5</b></p> <p><b>Tahu, Faham, Boleh buat dengan Beradab Terpuji</b></p>	<p><b>B5</b> Menggabungkan pengetahuan dan kemahiran geografi untuk membuat keputusan yang rasional, dan boleh menganalisis impak kegiatan manusia terhadap alam sekitar serta mengamalkan penjagaannya secara bijaksana.</p>	<p><b>B5D1</b> Menggunakan pelbagai maklumat geografi untuk membuat keputusan</p> <p><b>B5D2</b> Menganalisis kesan kegiatan manusia terhadap alam sekitar</p> <p><b>B5D3</b> Menyertai aktiviti/program tentang penjagaan alam sekitar</p>	<p><b>B5D1E1</b> Mempersembah maklumat geografi daripada pelbagai sumber yang diperoleh.</p> <p><b>B5D1E2</b> Membuat keputusan yang rasional daripada maklumat geografi yang diperoleh.</p> <p><b>B5D2E1</b> Menghasilkan kajian kes/laporan kesan kegiatan manusia terhadap cuaca dan iklim</p> <p style="text-align: center;"><b>ATAU</b></p> <p>Menghasilkan kajian kes/laporan kesan kegiatan manusia terhadap tumbuhan semula jadi dan hidupan liar</p> <p><b>B5D3E1</b> Melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti peringkat sekolah / komuniti setempat mengenai penjagaan alam sekitar.</p>

BAND	PERNYATAAN STANDARD	DESKRIPTOR	EVIDENS
<p style="text-align: center;"><b>6</b></p> <p><b>Tahu, Faham, Boleh buat dengan Beradab Mithali</b></p>	<p><b>B6</b> Menilai maklumat geografi untuk menghasilkan idea yang kreatif dan inovatif demi kepentingan masa depan dan membudayakan pengetahuan geografi ke arah memperkasa negara Malaysia</p>	<p><b>B6D1</b> Menghasilkan idea baru/ciptaan untuk pembangunan negara</p> <p><b>B6D2</b> Mengemukakan langkah pengurusan alam sekitar</p> <p><b>B6D3</b> Melaksanakan amalan mesra terhadap alam sekitar</p>	<p><b>B6D1E1</b> Mempersembahkan idea/ dapatan/ ciptaan/produk untuk kesejahteraan persekitaran.</p> <p><b>B6D2E1</b> Mencadangkan langkah-langkah pengurusan tumbuhan semula jadi dan hidupan liar.</p> <p><b>B6D2E2</b> Mencadangkan langkah-langkah mengurangkan kegiatan manusia terhadap alam sekitar.</p> <p><b>B6D3E1</b> Mempamerkan sikap/tingkah laku mesra alam sekitar.</p>